

Menangani sentimen perkauman dalam kalangan pelajar

Ketika tumpuan terarah kepada sokongan rendah masyarakat Cina terhadap Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) yang dikaitkan dengan tsunami Cina, satu lagi sentimen hampir sama dikesan mula berlaku di universiti – segelintir pelajar kaum Cina cuba mengasingkan diri daripada kaum lain. Biarpun dianggap isu terencil, langkah berkesan perlu diambil segera sebelum ia menjadi besar dan kronik.

Sindrom pengasingan diri

Sindrom pengasingan diri oleh pelajar Cina itu dikesan oleh seorang usahawan Cina yang kental semangat patriotismenya, Datuk Soh Poh Seng, hasil pemerhatiannya di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau yang juga Penasihat, Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan Samsoney itu mahu sentimen yang boleh menggugat keharmonian kaum dan integrasi nasional ditangani segera.

“Kita hidup dalam satu negara, kita 1Malaysia. Saya bimbang sentimen perkauman yang awalnya isu kecil menjadi besar dan boleh memusnahkan masa depan negara,” katanya pada Forum Warisan Serdang sempena Hari Alumni UPM 2013 di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) UPM, Serdang, baru-baru ini.

Dua lagi ahli panel forum itu ialah Pengarah Advanced Air Traffic Systems (M) Sdn Bhd, Datuk Zakri Afandi Ismail dan bekas atlet lompat bergal negara, Roslinda Samsu. Sesi dipengerusikan Penyarah Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Prof Madya Dr Azahari Ismail. Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UPM, Prof Dr Mohammad Shatar Sabran.

Bagaimanapun, Poh Seng berkata, pelajar Cina tidak boleh disalahkan 100 peratus kerana ada juga rakan mereka daripada kaum

Melayu dan India yang tidak berminat bergaul dengan kaum lain.

“Saya kerap memasuki sekolah dan UPM, saya dapat saksikan sendiri sentimen perkauman sudah mula berlaku. Saya menegur dan menasihati mereka supaya jangan hanya bergaul sesama rakan dalam kalangan kaum sendiri.

“Saya katakan kepada mereka, kita ini orang Malaysia dan perlu berfikir cara orang Malaysia bukan hanya memikirkan kaum sendiri, misalnya orang Melayu hanya fikir Melayu, begitu juga Cina, India atau etnik Bumiputera dari Sabah dan Sarawak. Kita perlu bersatu untuk menjadi kuat dan menjayakan Wawasan 2020,” katanya.

Poh Seng yang juga alumni UPM dalam bidang Diploma Pertanian pada 1976 dan Bachelor Sains Perniagaan Tani (1980) berkata, Malaysia adalah tanah tumpah darah semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum kerana mereka tiada negara lain kecuali bumi bertuah ini.

Mengimbas zaman beliau menuntut di universiti itu, Poh Seng berkata, hubungan semua pelajar amat kuat tanpa ada sentimen perkauman kerana mereka sedar masa depan negara akan musnah jika berlaku pertelagahan antara kaum.

Katanya, setiap pelajar juga menghormati agama dan adat kaum lain kerana ia sudah diteapkan kepada mereka sejak kecil lagi dan peranan itu dimainkan oleh ibu bapa.

“Waktu itu tiada pelajar bukan Islam yang membawa masuk makanan haram ke dalam bilik asrama kerana tahu ia boleh mengugris perasaan pelajar Islam. Ia tidak perlu dipelajari di sekolah sebaliknya didedahkan oleh ibu bapa mereka di rumah,” katanya.

Beliau turut menyuarakan perasaan kesal kerana anaknya tidak berminat belajar dalam negara, namun berbangga kerana mereka mendengar nasihatnya supaya kembali ke Malaysia selepas tamat

belajar dan tidak kekok bergaul dengan kaum lain.

Sementara itu, Zakri Afandi berkata pihak universiti perlu memberi perhatian terhadap suara hati Poh Seng demi menjayakan Wawasan 2020 yang hanya tinggal tujuh tahun lagi.

Katanya, beliau sendiri menghantar anaknya belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan mereka pandai berbahasa Mandarin serta tidak kekok bergaul dengan kaum berkenaan.

Beliau berkata, dalam negara didiami masyarakat majmuk seharusnya tidak wujud sentimen perkauman dan budaya mengasingkan diri dengan kaum lain.

“Ketika saya menuntut di UPM, pelajar pelbagai kaum hidup harmoni seperti satu keluarga dan budaya seumpama ini seharusnya dipertahankan demi masa depan negara.

“Sukar menjayakan sesuatu misi jika rakyat berpecah-belah. Kita dalam Alumni UPM akan berusaha membantu mengukuhkan kembali hubungan antara kaum,” katanya.

Sukan medium satukan semua kaum

Bagi Roslinda pula, sukan adalah medium berkesan untuk menyatukan semua pelajar kerana menerusinya semua kaum boleh bersatu sama ada dalam gelanggang atau sebagai penyokong pasukan mereka.

“Saya bernasib baik kerana tiada sentimen perkauman wujud dalam kalangan atlet. Jika benar wujud sentimen perkauman di universiti, saya selaku Alumni UPM berharap ia dapat diatasi segera,” katanya.

Justeru, mekanisme berkesan perlu diambil segera untuk mengelak isu kecil menjadi besar, menara gading tidak seharusnya menerima tempias PRU-13, sebaliknya ia wajar menjadi pusat melahirkan profesional dan graduan menjiwai gagasan 1Malaysia.



MOHD AZRONE SARABATIN

azrone@mediaprima.com.my



Panel Forum Warisan Serdang sempena Hari Alumni UPM 2013 di Dewan Besar PKKSSAAS, UPM, baru-baru ini.